



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

☎ 03-8870 4426
✉ ukk@dof.gov.my
🌐 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(107)

SIARAN MEDIA


DOF JALIN KERJASAMA TANGANI SPESIES IKAN ASING

26 MEI 2024, BANDAR TUN RAZAK - Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama Aquaria KLCC menganjurkan program memburu ikan asing di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil dengan penglibatan 200 orang peserta terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta, kelab komuniti pemburu ikan bandaraya, penduduk setempat serta institut pengajian tinggi awam (IPTA).


Program memburu ikan asing ini diadakan sebagai salah satu usaha DOF dan komuniti bagi bersama-sama mengekang populasi spesies ikan asing invasif dari terus membanjiri perairan umum seterusnya menjejaskan spesies ikan asli dalam ekosistem perairan negara.

“Mutakhir ini, kehadiran spesies asing seperti ikan bandaraya atau *pleco* di perairan umum negara menjadi perhatian pelbagai pihak. DOF giat mempertingkatkan program kesedaran awam kepada golongan sasaran bagi memperjelas kesan jangka masa panjang sekiranya ikan asing dilepaskan sewenang-wenangnya ke perairan umum.

“Aktiviti mengeluarkan ikan asing yang dijalankan pada hari ini secara langsung menyokong usaha global dan bertepatan dengan tema Hari Biodiversiti Sedunia 2024 "Be Part of The Plan" iaitu untuk memelihara kepelbagaian biodiversiti terutamanya pemeliharaan ikan asli tempatan. Tindakan proaktif ini adalah penting bagi mengekalkan biodiversiti ekosistem serta memastikan kesinambungan sumber perikanan darat untuk generasi akan datang. DOF amat berbesar hati dengan kerjasama yang diterima dari pihak Aquaria KLCC, Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Perbadanan Stadium Malaysia, Bukit Jalil dalam usaha sama



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

mengurangkan spesies ikan asing di Sungai Kuyoh ini,” Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato’ Adnan bin Hussain.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh DOF, hasil inventori yang dijalankan pada tahun 2023 di enam buah sungai iaitu Sungai Batu, Sungai Gombak, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Klang dan Sungai Kuyoh mendapati bahawa spesies ikan tilapia merupakan spesies yang paling banyak ditemui selain ikan bandaraya dan ikan keli afrika.

Konservasi juga telah dijalankan pada tahun 2023 dengan melakukan pelepasan sebanyak 80,000 ribu ekor benih termasuk induk ikan tempatan iaitu ikan lampam sungai, terbul dan baung bagi tujuan menambah stok ikan di kawasan Kuala Lumpur. DOF juga akan mewujudkan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (Sungai dan Tasik) bagi Wilayah Persekutuan serta dalam proses menambah baik peraturan/kaedah sediaada di lain-lain negeri bagi memperkukuhkan pengurusan perikanan darat di Malaysia.

Aquaria KLCC sebagai rakan strategik bagi program ini juga turut membantu jabatan memberi pendedahan dan pendidikan mengenai bahaya ikan asing dalam ekosistem dan mendidik solusi yang efektif untuk menangani masalah ini melalui kempen *Alien Invaders* iaitu pameran beberapa spesies ikan asing di Aquaria KLCC yang telah bermula pada April sehingga Jun 2024.

Pengarah Eksekutif Aquawalk Sdn. Bhd, Daryl Foong berkata pihaknya memandang serius mengenai spesies asing invasif yang telah mendiami perairan negara. Usaha bersama sektor korporat melalui program pengesanan, pemantauan dan kesedaran diperlukan bagi memastikan objektif melindungi ekosistem perairan tercapai.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my